

**DRAF TEKS UCAPAN  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS IFTAR BERSAMA T.Y.T TUN CANSELOR**

*17 Ogos 2011 bersamaan 17 Ramadhan 1432H, 6.20 petang, Masjid UTeM*

1

Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

T.Y.T. Yang Di-Pertua Negeri Melaka  
Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob,  
Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka

1. Terlebih dahulu, saya mewakili seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengalu-alukan kehadiran Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob selaku Canselor UTeM ke majlis berbuka puasa yang kali kedua dilangsungkan secara rasmi di bangunan Masjid, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2

2. Kesudian Tuan Yang Terutama Tun untuk hadir pada majlis ini, sesungguhnya amat besar ertinya buat kami warga UTeM. Sesungguhnya keprihatinan yang ditunjukkan oleh Tuan Yang Terutama Tun Canselor terhadap perkembangan serta menambah meriahkan lagi setiap aktiviti dan program Universiti, menyemarakkan lagi keazaman kami untuk bekerja dengan lebih gigih demi memastikan kelestarian UTeM di persada pengajian tinggi.
3. Seterusnya saya memohon keizinan daripada Tuan Yang Terutama Tun untuk berucap kepada hadirin sekalian.

3

## **A) SALUTASI**

- i. Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Dr. Johari bin Mat,  
Pro Canselor UTeM
- ii. Sahibus Samahah Datuk Wira Hj. Rashid Redza Hj. Md. Salleh,  
Mufti Kerajaan Negeri Melaka
- iii. Y.Bhg. Datuk Ir. (Dr.) Haji Ahmad Zaidee bin Ladin,  
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
- iv. Y.Bhg. Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti,

4

- v. Encik Faidaуз bin Azhar  
Pengurus Pemasaran Prestariang Systems Sdn. Bhd  
mewakili Ketua Pegawai Eksekutif Y.Bhg. Dr. Abu Hasan Ismail
- vi. Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Kadim bin Suaidi,  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTeM dan Datin,
- vii. Pegawai-pegawai Kanan Universiti dan isteri,
- viii. Pihak media, warga UTeM seterusnya para penerima sumbangan yang diraikan pada Majlis Iftar pada hari ini.

5

## **B) PEMBUKA KATA**

- 1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dan nikmat ke hadrat Illahi, kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya yang mengizinkan kita berada di Majlis Iftar Bersama T.Y.T. Tun Canselor untuk berhimpun, berbuka puasa seterusnya beribadah berjemaah di dalam masjid yang serba suci ini.
- 2. Kesudian semua Dif-dif kehormat serta tetamu jemputan untuk hadir sudah pasti menguntum bahagia serta menambah seri di majlis yang serba *barakah* dan *magfirah*, di bulan Ramadhan yang penuh keberkatan kepada umat Islam, sebagai bulan untuk memperbaiki, membaik pulih serta mempertingkatkan iman dan akhlak insan.

6

3. Hari ini telah 17 hari kita berpuasa di mana tarikh 17 Ramadhan merupakan satu tarikh yang selalu diperingati oleh umat Islam. Pada tarikh inilah masjid-masjid dipenuhi dengan ceramah Nuzul al-Quran di mana pihak media massa, surat khabar serta televisyen tidak akan terlepas menyiaran berita serta rancangan atau kuliah sempena memperingati Nuzul al-Quran. Allah SWT menurunkan al-Quran untuk menjadi petunjuk bagi umat manusia mengamalkan ajaran al-Quran secara menyeluruh serta menjadikan al-Quran sebagai acuan kehidupan, sebagaimana Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 185 :

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْءَانُ هُدًىٰ لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ

7

Maksudnya: “Bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan perbezaan (antara yang benar dan yang salah).”

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

### C) **OBJEKTIF MAJLIS & PENGISIAN PROGRAM**

4. Penganjuran Majlis Iftar merupakan platform yang dapat dimanfaatkan bagi merapatkan silaturahim antara sesama kita sebagai umat Islam. Ramadhan, bulan yang penuh keberkatan ini merupakan masa gembira kepada orang-orang beriman kerana setiap saat ada ganjaran pahala yang berganda-ganda, yang memberi peluang keemasan untuk meningkatkan prestasi

8

diri ke arah melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya.

5. Majlis Iftar bersama Tun Canselor ini adalah sebahagian dari aktiviti yang telah dirancang bagi sambutan Ramadhan peringkat UTeM 1432H. Kesemua warga Universiti terlibat dalam mengimarah masjid yang tersergam indah ini, khususnya pada bulan Ramadhan *Al-Mubarak* menerusi aktiviti-aktiviti solat tarawih bersama serta pelbagai program lain seperti “Satu UTeM 1 Jam Tadarus”, ceramah, kuliah, kuiz serta gotong royong memasak bubur lambuk. Semoga penganjuran majlis-majlis seumpamanya dapat merapatkan lagi hubungan antara staf dan pelajar UTeM dan dengan warga luar dalam menjalinkan

9

*ukhuwah islamiyah*, selain memberi peluang warga Universiti beramah mesra dengan T.Y.T Tun Canselor.

T.Y.T. Tun, hadirin hadirat sekalian,

#### **D) PEMAKLUMAN SUMBANGAN**

6. Di majlis ini, seramai **96** orang yang terdiri daripada **30** orang anak yatim, **20** orang ibu tunggal, **31** orang pelajar UTeM yang kurang kemampuan dan **15** orang anak staf UTeM yang kehilangan ibu atau ayah akan menerima sumbangan. Dengan adanya sumbangan yang diterima oleh mereka yang memerlukan akan dapat meringankan bebanan bagi menyambut Aidilfitri yang bakal menjelang di samping sebagai medium mempereratkan hubungan sesama insan selain memupuk nilai

kasih sayang, saling bertolongan, hormat-menghormati dan sentiasa berkorban demi mencapai redha Illahi.

7. Pihak Pengurusan Universiti amat mengalu-alukan program perkongsian sebegini serta akan terus memberikan sokongan terhadap semua aktiviti kemasyarakatan khususnya di bulan mulia seperti bulan Ramadhan ini, mudah-mudahan dapat menyemai sifat-sifat murni dan amal soleh seterusnya mengharapkan keampunan dengan mendekatkan diri dengan Yang Maha Pencipta. Sekalung penghargaan yang tidak terhingga ditujukan kepada semua pihak yang telah sudi menghulurkan bantuan dan menderma iaitu Puspanita, Sri Kesidang, Badan Kebajikan Staf dan Koperasi UTeM serta dari pihak swasta iaitu Syarikat Prestariang Systems Sdn Bhd. Tidak

11

lupa terima kasih diucapkan kepada semua orang perseorangan yang turut menderma serta syabas kepada Pusat Islam dan ahli-ahli jawatankuasanya yang bertungkus-lumus di dalam mengharungi ibadah puasa, anda semua tetap memberikan komitmen yang tinggi dalam menyatu idea, menyempurna tugasan bagi merealisasikan perancangan yang dibuat seterusnya memastikan majlis terlaksana dengan jayanya.

8. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada para tetamu kehormat yang telah sudi hadir memeriahkan lagi majlis kami pada kali ini. Sebagai penutup, ingin saya berkongsi membacakan maksud hadis yang diriwayatkan oleh Jabir ra. bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

12

*“Puasa itu perisai yang dipergunakan seorang hamba untuk membentengi dirinya dari seksaan api neraka.”*

Sekian,      *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*